

Headline	Barang haram laris di pasaran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	9	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	604 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,938
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,814



20 barangan kegunaan yang dijual, separuh tiada tanda halal

Barang 'haram' laris di pasaran?

KUALA LUMPUR 1 Feb. - Haram tetapi laris. Tidak keterlaluan jika dikatakan sebahagian besar daripada barangan kegunaan import yang kita gunakan di rumah diragui status halalnya.

Hasil siasatan wartawan Unit Khas *Utusan Malaysia* di empat buah pasar raya besar dan pusat beli belah sekitar ibu kota mendapati daripada 20 barangan kegunaan yang dijual, separuh tiada tanda halal.

Apa yang lebih mendukacitakan, ada di antara produk tersebut didapati antara bahan pembikinannya diperbuat daripada sama ada bulu, tulang atau kulit babi.

Kebanyakan barangan kegunaan itu terdiri daripada produk keperluan harian dan dandanan diri selain peralatan serta kelengkapan rumah.

Antaranya ialah sikat, losyen, pinggan-mangkuk, barangan kulit (kasut, jaket, tali pinggang) dan berus cat (termasuk berus lukisan).

Sudahlah tidak halal, paling mengejutkan ialah apabila barangan itu langsung tidak diasingkan kedudukannya.

Ini dikesan menerusi bungkus barangan tersebut yang jelas memaparkan label *made of boar* (diper-

buat daripada babi).

Bagaimanapun, masih terdapat beberapa barangan lain seperti berus cat dan berus lukisan yang tidak mempunyai sebarang maklumat.

Status berus terbabit hanya terdedah apabila ujian makmal dilakukan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Produk Halal (IPBH) di Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Keputusan mendapati, beberapa berus cat yang diuji tersebut sah diperbuat daripada bulu babi.

Hakikatnya, persoalan halal atau haram barangan kegunaan tidak akan selesai selagi tiada penguatkuasaan tegas pihak berkuasa.

Ini sekali gus memudahkan pihak-pihak tertentu mengambil kesempatan mengaburi mata pengguna Islam semata-mata untuk melariskan barangan kegunaan haram yang dijual.

Sebagai panduan, teliti satu persatu kes di bawah ini agar kita dapat

Headline	Barang haram laris di pasaran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	9	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	604 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,938
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,814

bersama-sama mencari penyelesaian terbaik berhubung isu baranggunaan haram di Malaysia.

BARANG 1: SIKAT

SEKALI imbas tiada siapa akan menyangka sikat rambut bulat yang dijual di salah sebuah kedai kecantikan terkemuka di sebuah pusat beli belah di ibu kota ini rupa-rupanya berstatus tidak halal.

Bukan satu atau dua, bahkan sudah ramai pengguna Islam meluahkan kekesalan dan rasa tertipu mereka akibat terbeli sikat yang diperbuat dari babi itu.

Namun sikat yang bercirikan ion-seramik itu masih juga diletakkan di rak barangan tanpa sebarang label yang tertulis 'tidak halal' di sampingnya.

Sikap pengusaha kedai yang enggan melabel 'tidak halal' meskipun pada bungkusan barangan itu telah jelas terpapar maklumat diperbuat

daripada babi secara tidak langsung memperlihatkan ketidakprihatinan mereka.

BARANG 2: BERUS CAT

PERNAHKAH anda mengguna-

kan berus cat yang memiliki ciri-ciri seperti - bercabang di hujungnya, boleh diubahsuai dengan bahan kimia untuk menjadi lembut atau keras serta tidak mudah rosak dan tertanggal?

Percaya atau tidak, berus cat yang selama ini anda gunakan untuk mengecat dinding rumah mahupun bilik rupa-rupanya diperbuat daripada bulu babi yang dikenali sebagai babi biri-biri atau mangalitsa.

Makin mengejutkan, tinjauan di kedai barang dan peralatan mendapati, dari tujuh berus

yang terdapat di rak barangan, lima daripadanya begitu ketara menunjukkan ciri-ciri berus cat bulu babi.

Melihat kepada bilangan berus cat yang banyak serta kepelbagaian

Headline	Barang haram laris di pasaran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	9	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	604 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,938
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,814

saiznya berbanding tiga jenis berus cat sintetik yang turut dijual, tidak keterlaluan dikatakan berus cat haram ini sememangnya laris dan popular di kalangan pengguna.

BARANG 3: PINGGAN MANGKUK

BERWASPADALAH ketika membeli pinggan mangkuk dan perkakas makanan seperti cawan dan piring daripada seramik kerana ada jenama tertentu mengandungi campuran tulang haiwan termasuk tulang babi.

Istilah *bone China* bermaksud campuran tulang-temulang babi yang dibakar dan dihancurkan menjadi serbuk dan diadun menjadi tanah liat.

Amat mudah untuk mengenali perkakasan yang mengandungi tulang babi kerana kebiasaannya tercatat *bone China* di belakangnya.

Tujuan menggunakan tulang itu adalah kerana hasilnya lebih berkualiti dan halus serta warnanya yang lebih putih dan ringan. Justeru, tidak hairanlah jika pinggan-mangkuk daripada sumber *bone China* dijual agak mahal berbanding porselin biasa.

MUKADIMAH

PELAKSANAAN Akta Perihal Dagangan 2011 yang hanya mengiktiraf logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia mulai tahun ini nyata memberi keyakinan kepada pengguna Islam menikmati produk makanan tanpa was-was.


Di sebalik keputusan dianggap terbaik ini, kita seolah-olah terlupa bahawa soal halal atau haram bukan menjurus tentang makanan semata-mata. Hakikatnya, ia juga membabitkan barangan kegunaan harian termasuk peralatan kosmetik.

Namun, sejauh manakah kita pasti bahawa peralatan atau barangan digunakan itu adalah daripada sumber yang halal? Pernahkah kita terfikir terdapat sikat rambut yang diimport diperbuat daripada halwan yang haram digunakan oleh masyarakat Islam?

Hakikatnya, banyak lagi barangan berasaskan bulu, tulang, lemak atau kulit babi yang begitu laris penjualan dan penggunaannya di kalangan pengguna Islam tanpa disedari berikutan tindakan tidak bertanggungjawab segelintir pihak penjual.

Ikuti laporan wartawan Unit Khas *Utusan Malaysia*, ROSALINDA MD. SAID dan SITI NURAZLINA JAMALUDDIN serta jurugambar, MOHD. FARIZWAN HASBULLAH, MOHD. AZIM ABDUL RAHMAN dan ZAINI HUSIN bagi menyingkap fenomena lambakan barangan kegunaan 'haram' tetapi turut laris di kalangan masyarakat Islam.

Headline	Barang haram laris di pasaran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	9	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	604 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,938
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,814



Headline	Barang haram laris di pasaran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	9	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	604 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,938
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,814

INFO

BABI DAN KEGUNAANNYA

Bulu

- Berus termasuk berus cat, berus gigi dan lalin-lain.
- Protein bulu babi digunakan untuk melembutkan doh roti.
- Baja dihasilkan daripada bulu babi yang diproses.
- Pakaian dan permaidani.

Tulang

- Abu tulang digunakan dalam pembuatan brek kereta api.
- Pembuatan pinggan-mangkuk.
- Gam dari tulang babi digunakan untuk meningkatkan kualiti struktur kasut kulit.
- Gelatin tulang digunakan di dalam peluru dan dalam pembuatan kertas.

Lemak

- Gliserin digunakan untuk menghasilkan tekstur halus dalam ubat gigi dan krim.
- Pengemulsi
- Marjerin
- Aiskrim
- Sabun
- Syampu
- Serbuk pencuci
- Gincu
- Losyen
- Kosmetik
- Perasa dan perisa makanan
- Biskut
- Asid lemak menjadikan cat berkilat

Kulit

- Gelatin: Jeli, ubat-ubatan tablet, ais krim, yogurt, gula-gula, marshmallow, campuran di dalam arak untuk menjernihkan air.
- Kolagen: Kosmetik, gam untuk penggunaan industri kayu.
- Barangan kulit seperti beg, dompet, kasut, jaket dan tali pinggang.

Darah

- Sosej
- Hemoglobin digunakan dalam penghasilan ubat-ubatan misalnya ubat dalam rawatan kerosakan retina.

Organ dalaman

- Insulin diambil daripada pankreas babi.